



KONVENSYEN Hawa pada tahun 2014 bertemakan 'Women Inspiring the World' anjuran MPP USIM mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Konvensyen hargai wanita

BAGI menghargai dan memelihara wanita dalam menghadapi ujian serta cabaran pada era teknologi yang semakin mencabar, satu konvensyen hawa bertemakan 'Ideal Women For a Better Nation' bakal berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan pada 18 hingga 20 September depan.

Program yang akan berlangsung selama tiga hari itu merupakan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM bertempat di Dewan Kuliah Pusat 4 universiti itu.

Sekreteriat, Timbalan Yang Dipertua MPP USIM, Fatin Munazzah Abd. Aziz berkata, konvensyen kali kelima itu akan melibatkan semua pelajar-pelajar dan kakitangan USIM serta pelajar daripada pusat pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara.

Katanya, objektif utama program tersebut adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan menyeluruh berhubung dengan isu kewanita, sekali gus sebagai usaha mempersiapkan golongan ini dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

"Konvensyen kali turut menyentuh aspek pendidikan, dakwah, kesihatan, keluarga, kepimpinan dan segala informasi berhubung ruang lingkup wanita melalui penampilan khas ahli panel yang hebat dalam bidang

pengkhususan masing-masing.

"Hasil daripada konvensyen akan dapat memberi suatu pengetahuan yang sangat bermanfaat dan kefahaman yang sangat berguna berkenaan wanita daripada pelbagai aspek pengetahuan sama ada dari sudut fikah, ibadat, akhlak dan juga syariah," jelasnya.

Selain itu, Fatin Munazzah berkata, tema konvensyen yang dibawa dilihat lebih dekat dengan isu semasa dan sangat berkait rapat dengan kepentingan wanita dalam pembentukan negara yang lebih baik dan efisien.

Para ilmuwan profesional juga akan membentangkan kertas kerja pada konvensyen sekaligus memberi kesan positif kepada peserta yang hadir. Melalui pembentangan ini satu cadangan resolusi berkenaan isu wanita dapat dilakukan sebagai sumbangan dalam pembangunan akal dan jiwa wanita.

Dalam pada itu, konvensyen itu bakal dimeriahkan dengan persembahan konsert muhasabah daripada artis nasyid terkemuka tanah air seperti kumpulan Hijjaz serta pidato ummah yang diwakili mahasiswa dari beberapa negara, artis tanah air dan pensyarah.

Semua peserta daripada pelbagai peringkat umur tidak kira lelaki mahupun perempuan dialu-alukan untuk mendaftar sekaligus memeriahkan program tersebut.